



**PEKELILING
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH
BILANGAN 8 TAHUN 2022**

**SEMUA PEMEGANG LESEN KENDERAAN PERDAGANGAN
NEGERI SABAH & WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

SEMAKAN STATUS MUFLIS

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Mesyuarat Lembaga bilangan 4 tahun 2022 iaitu syarat tambahan tidak diisytiharkan muflis oleh Jabatan Insolvensi Malaysia kepada semua pemegang kelas lesen.

2.0 LATAR BELAKANG

YB Menteri Pengangkutan telah menggariskan beberapa dasar bagi tujuan pelesenan kenderaan perdagangan. Antara lain, pemegang lesen kenderaan perdagangan tidak diisytiharkan muflis oleh Jabatan Insolvensi Malaysia.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Sebagai tambahan kepada keperluan dokumen sedia ada, permohonan baharu, membaharui, permohonan semula dan ubahsyarat (ALP/Rakan kongsi) hendaklah disertai semakan status muflis daripada Jabatan Insolvensi Malaysia; dan

3.2 Salinan semakan terkini hendaklah dikemukakan setiap kali membuat sebarang permohonan seperti di atas.

PEKELILING LPKP SABAH BILANGAN 8 TAHUN 2022

4.0 PUNCA KUASA


Keputusan Mesyuarat Lembaga bilangan 4 tahun 2022 ini adalah selaras dengan Seksyen 10, 15, dan 21A, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan. Lembaga boleh menolak daripada mendaftarkan, meneruskan atau mendengar atau menentukan supaya permohonan itu dipinda atau disempurnakan dengan sesuai dan dikemukakan semula atau sebagai gantinya suatu permohonan yang baru dikemukakan jika; permohonan itu tidak mematuhi apa-apa keperluan lain yang ditetapkan.

5.0 TARIKH KUATKUASA PEKELILING

Arahan Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 16 Mei 2022.

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA



(NORSIAH BINTI PATAH)

Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah

29 APRIL 2022

s.k. Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengangkutan
Setiausaha Bahagian Darat, Kementerian Pengangkutan